

Headline	Dengar keluhan rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	18
ArticleSize	439 cm ²	Journalist	Rosilawati Rosedi
PR Value	RM 22,464		



Dengar keluhan rakyat

Tengku Abdullah titah elak aktiviti penebangan pokok di Janda Baik

ROSILAWATI ROSEDI

BENTONG

Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah supaya semua pihak memandang serius dan keluhan penduduk setempat terhadap projek pembinaan talian penghantaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Janda Baik.

Titahnya, projek yang memulakan kerja-kerja pembinaan sejak 2015 itu menimbulkan keresahan kepada penduduk terhadap aktiviti pembalakan yang boleh menyebabkan kemusnahan alam sekitar.

"Pihak TNB dan kontraktor terbabit perlu memastikan tiada penebangan balak dilakukan di luar daripada kawasan yang dibenarkan untuk membuat akses jalan.

"Hakikatnya hanya 250 hektar sahaja diluluskan untuk membuat membuat jalan bagi membina grid elektrik, kita harap kurangkan pene-



Tengku Abdullah tertarik merakamkan gambar Sungai Benus Hilir.

bangsan di kawasan yang tidak perlu bagi menjayakan projek itu," titahnya.

Baginda bertitah sedemikian sempena sesi taklimat dan lawatan kerja di Kampung Janda Baik sempena status kerja pembalakan bagi laluan grid TNB di Hutan Simpan Lentang, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Da-

tuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Pengarah Perhutanan negeri dan Datuk Dr Hizamri Mohd Yasin, Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Rosli Zul.

Projek pembinaan laluan grid dari Air Tawar, Perak ke Yong Peng, Johor sejauh 513 kilometer yang bernilai RM1.5 bilion itu turut melibatkan 30 kilometer jajaran di kawa-



Tengku Abdullah melihat pelan pembangunan ketika melawat tapak projek di kawasan tersebut.

san Bentong dan dijangka siap pada 2020.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata projek pembinaan tersebut adalah satu projek nasional yang memberikan kepentingan kepada negara.

Ujarnya, keputusan pembinaan projek di Janda Baik itu berdasarkan tiga kriteria utama iaitu mengelak-

kan kawasan pembangunan, tanah tinggi dan membelah hutan simpan.

"Tidak ada isu besar cuma sikit isu yang bersifat sementara... Ia tidak dapat dielak bila kerja buat laluan bekalan tenaga TNB ini namun kita berharap gangguan sementara ini kesannya minima dan akan kembali pulih seperti biasa. Saya harap orang kampung bersabar," katanya.